

# PENGEMBANGAN IDEA DALAM PENULISAN AKADEMIK



Tarikh : 27 MEI 2023

Masa: 8.30 - 9.30 Malam

Dr. Darwalis Sazan (Bahagian Kursus Universiti)

*"Ikatlah ilmu dengan  
menuliskannya"*  
*(Ali bin Abi Thalib)*



TAJID.ID

**If you want to  
change the world,  
pick up your pen  
and write.**

MARTIN LUTHER

# **APAKAH PENULISAN AKADEMIK?**



- Perihal atau kegiatan tentang aktiviti menulis (mengarang).
- Hasil penulisan yang mengandungi ilmu pengetahuan yang mendalam.
- Hasil rujukan yang tepat berdasarkan sumber buku, jurnal dan bahan ilmiah yang lain.



# PENGHASILAN PENULISAN AKADEMIK BOLEH DIHASILKAN DALAM?

1. Tugasan ilmiah
2. Penulisan buku berbentuk ilmiah
3. Latihan ilmiah/FYP
4. Laporan kajian
5. Kertas projek
6. Disertasi/tesis
7. Jurnal/artikel



# CARA MENDAPATKAN SUMBER MAKLUMAT UNTUK PENULISAN

---

1) Google

---



---

2) Google Scholar

---



---

3) Researchgate

---



---

4) Academia.edu

---



---

5) Jurnal di bawah pelbagai penerbitan etc.



**ELSEVIER**



The screenshot shows the homepage of the ePerpustakaan (eLibrary) system. At the top, there are logos for Universiti Sains Malaysia (USM), APEX Library, and the USM crest. The main title "ePerpustakaan" is displayed prominently. Below the title, there are two large buttons: "Off Campus Access" (represented by a laptop icon) and "ePayment" (represented by a credit card icon). The background is dark blue.

This screenshot displays the "Discovery" and "Local Content" sections of the ePerpustakaan interface. The "Discovery" section features a search bar with placeholder text "Search articles, journals, databases, books" and a magnifying glass icon. Below it, a "Discover 81 resources" section includes a search bar and a grid of letters (A-Z, #, XYZ) for navigating resource lists. The "Local Content" section lists several categories: "USM e-Thesis Collection (Within USM Net Only)", "USM Exam Papers (School of Mathematical Sciences)", "USM Exam Papers (School of Computer Sciences)", and "USM Exam Papers - Staff (Human Resource Division)". Each category has a brief description and a link. A "Favourites" button is located at the bottom right of the "Local Content" section.

# PENULISAN AKADEMIK

VS

# PENULISAN BUKAN AKADEMIK

<b>PENULISAN AKADEMIK</b>	<b>PENULISAN BUKAN AKADEMIK</b>
a) Berbentuk saintifik & akademik	a) Berbentuk fiksyen & karya kreatif
b) Ditulis bersumberkan data	b) Bersumberkan kreatif penulis
c) Ditulis secara formal	c) Ditulis di luar situasi
d) Sumber rujukan ahli akademik, pelajar dan pembaca	d) Sumber rujukan sesiapa sahaja
e) Tesis, kertas kerja, buku, jurnal, tugas ilmiah dan lain-lain	e) Novel, puisi, drama dan lain-lain
f) Berpaksikan nilai etika	f) Tidak terikat dengan nilai etika

# CIRI-CIRI PENULISAN AKADEMIK

Mengikut format  
pendahuluan, isi &  
kesimpulan



Mempunyai ayat topik,  
ayat huraian, ayat  
contoh & ayat  
kesimpulan




Mengetengahkan  
perbandingan,  
argumenatif & kritis



Menggunakan penanda  
wacana

Mengikut Tema/Topik  
yang ingin  
diketengahkan



Mempunyai sumber  
rujukan yang tepat &  
sesuai dengan bidang  
atau topik



Mempunyai sitasi &  
rujukan yang lengkap



Menggunakan bahasa  
yang menarik  
berbentuk ilmiah &  
memparafrasa

# FORMAT ASAS PENGHURAIAN PENULISAN AKADEMIK

- Setiap isi dalam perenggan wajib terdiri daripada tiga elemen utama, iaitu **ayat topik, ayat huraian/contoh dan ayat penyimpul**.
- **Contoh Ayat Topik** - menyatakan isi utama yang ingin disampaikan dalam sesuatu perenggan.
- **Contoh Ayat Huraian/Contoh** - menyokong ayat topik yang disebut isi sokongan dan menyatakan huraian contoh.
- **Contoh Ayat Penyimpul** - merumuskan maklumat dalam perenggan berkenaan.

# CONTOH AYAT TOPIK, HURAIAN/CONTOH DAN PENYIMPUL

## Contoh Soalan :

Seni mempertahankan diri menyihatkan tubuh badan. Huraikan tentang pernyataan ini.

Seni mempertahankan diri dapat menyihatkan tubuh badan kita (**AT**). Murid-murid yang menyertai seni mempertahankan diri akan dapat melakukan pelbagai gerakan anggota badan mereka (**AH**). Misalnya, silat, taekwando, karate do, judo dan lain-lain (**AC**). Jelaslah bahawa seni mempertahankan diri sememangnya memberi manfaat yang banyak terhadap kesihatan tubuh badan manusia (**AP**).

Seni mempertahankan diri juga dapat menambah keyakinan diri seseorang (**AT**). Sikap ini akan menjadi suatu kebiasaan dalam diri dan kita tidak akan bermasalah apabila menghadapi sesuatu cabaran (**AH**). Contohnya, perkara yang tidak diingini berlaku atau perkara kecemasan yang lain (**AC**). Tuntasnya, manfaat seni mempertahankan diri seharusnya dijadikan asas kemahiran kita dalam menghadapi apa juar cabaran di samping menambahkan keyakinan (**AP**).

# TEKNIK PENGEMBANGAN PENULISAN

- Perlu menggunakan teknik yang:
  1. Merujuk dan melihat sumber pendekatan
  2. Menjelaskan makna/maksud dalam sesuatu konteks
  3. Mengandaikan sesuatu konsep, pandangan yang bernas
  4. Menyatakan kepastian dan keyakinan maklumat



# TEKNIK PENDEKATAN

- Penulisan yang melibatkan **fakta, sejarah, pendapat dan pandangan sarjana** serta sesuatu konsep.

**Contoh :**

- Bahasa Melayu telah lama mempunyai nilai yang tinggi di mata dunia yang dikenali sebagai bahasa *lingua franca* dari segi sejarah kuno atau sejarah terdekat. *Dari segi sejarah kuno*, penyebaran bahasa Melayu dari tanah asal ke kawasan-kawasan sekarang yang kita kenal sebagai kawasan bahasa Melayu.
- *Menurut Ralph Linton dan Collins*, penggolongan ras melibatkan ciri-ciri jasmani membolehkan kita mengenali asal usul sesuatu bangsa.
- *Dengan penjelasan mengenai konsep kaum dan budaya ini*, maka dapatlah dikatakan bahawa cara hidup Melayu dalam Perlembagaan Malaysia, ialah dicirikan oleh sikap, tingkah laku, pandangan hidup dan lain-lain.

## Contoh penggunaan teknik pendekatan :

1. *Dari segi sejarah kuno, .....*
2. *Dari sudut sosiolinguistik, ....*
3. *Menurut sarjana .....*
4. *Konsep ini menurut sarjana ....*
5. *Konsep ini menjelaskan bahawa ....*
6. *Fakta ini mengetengahkan bahawa ....*
7. *Penjelasan pencejarahan ini menunjukkan bahawa ....*

# TEKNIK MAKNA ATAU MAKSUD

- Penulisan yang melibatkan **definisi** atau **penjelasan lanjut** untuk **berkaitan sesuatu konteks, peristiwa, cerita mahupun fakta.**

**Contoh :**

- Dengan zaman sejarah yang *dimaksudkan* zaman ini mempunyai pencatatan sejarahnya yang disokong oleh tradisi turun-temurun.
- Kawasan bukan tradisional pula ialah kawasan yang wujudnya itu berdasarkan migrasi orang-orang dari kawasan tradisional. Ini *bermakna* bahawa kawasan bukan tradisional ialah kawasan di luar dunia Melayu.

## Contoh penggunaan teknik makna atau maksud:

1. *Hal yang dimaksudkan .....*
2. *Hal ini bermakna .....*
3. *Pendapat sarjana Barat yang dimaksukan ...*
4. *Makna di sebalik konteks ini .....*
5. *Maksud yang jelas tentang teori ini ....*

# TEKNIK MENGANDAIKAN

- Penulisan yang melibatkan sesuatu andaian dalam penjelasan untuk membina andaian yang bersifat logik dengan kaitan fakta.

**Contoh :**

- *Jika berita itu ditulis dalam abad keenam dan ketujuh*, maka ini bermakna penyebaran bahasa Sanskrit bermula lebih awal dari itu.
- *Jika dilakukan perbandingan*, maka kita boleh merumuskan bahawa perkembangan bahasa Melayu telah lama berlaku sebelum abad keenam dan ketujuh yang pernah menjadi bahasa *lingua franca*.

## Contoh penggunaan teknik mengandaikan:

1. *Jika hal ini menjelaskan ..... maka*
2. *Jika dilakukan perbandingan, ..... maka*
3. *Andaian sarjana ...*
4. *Andaian ini ....*
5. *Mengikut andaian ....*
6. *Andaian ini menjelaskan ....*

# TEKNIK KEPASTIAN DAN KEYAKINAN

- Penulisan yang melibatkan **kepastian, kesahihan dan penjelasan yang benar** berkaitan **huraian fakta**.

**Contoh :**

- *Jelaslah bahawa* penggunaan bahasa pijin yang semakin berleluasa menyebabkan kepudaran bahasa Melayu.
- Kesan-kesan keracunan bahasa *jelas* menunjukkan penggunaan yang berleluasa dalam kalangan masyarakat kita hari ini.
- Diakui dan *percaya* bahawa teori ini dapat menerangkan tentang difusi bahasa dan bentuk rumpun-rumpun bahasa.

## Contoh penggunaan teknik kepastian dan keyakinan:

1. *Jelaslah bahawa .....*
2. *Hal ini sangat jelas .....*
3. *Dipercayai bahawa ....*
4. *Dapat dijelaskan bahawa ...*
5. *Sebagaimana yang dijelaskan ...*

# CONTOH PENGEMBANGAN PENULISAN AKADEMIK YANG KURANG MENARIK DAN KURANG KREATIF

**SOALAN:** Bincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada kemajuan ekonomi sesebuah negara.

## HURAIAN PENULISAN:

Pertama, menyediakan kepelbagaian ekonomi yang tinggi (**faktor**). Faktor kedua, mempunyai kadar pertukaran mata wang yang fleksibel (**faktor**). Ketiga, mewujudkan konflik perdagangan antara China dan Amerika Syarikat (AS) (**faktor**). Ketiga-tiga faktor di atas menunjukkan cara dan gerakan yang dapat menyumbang kemajuan ekonomi sesebuah negara.

### Komen:

\*Kurang menarik, bosan, tidak ada huraian lanjut, fakta tidak dipastikan dan pendahuluan tidak jelas.

# CONTOH PENGEMBANGAN PENULISAN AKADEMIK KURANG MENARIK DAN KURANG KREATIF

**SOALAN:** Nyatakan dan huraikan *fungsi* penyusunan semula kamus diwibahasa bahasa Melayu-bahasa Inggeris dan bahasa Inggeris-bahasa Melayu oleh Thomas Bowrey yang diterbitkan di London pada 1701.

## HURAIAN PENULISAN:

Kamus ini memberikan maklumat serta gambaran kepada penutur bahasa Melayu moden (**fungsi**). Kamus ini memberi pendedahan kepada bentuk dan ciri frasa, klausa dan ayat (**fungsi**). Maklumat penting berkenaan perihal ekonomi dan perdagangan di kepulauan utama dalam rantau ini juga dicatatkan dengan jelas dalam kamus tersebut (**fungsi**).

### Komen:

\*Kurang menarik, bosan, tidak ada huraian lanjut, fakta tidak dipastikan dan penggunaan penanda wacana dan pendahuluan dibataskan.

# CONTOH PENGEMBANGAN PENULISAN AKADEMIK YANG MENARIK DAN KREATIF

**HURAIAN FUNGSI 1:** Pada 1701, Thomas Bowrey memutuskan untuk menyusun dengan rapi, kemas dan jelas semua kata-kata daripada satu bahasa yang diketahuinya sepanjang 19 tahun belayar di Kepulauan Melayu (P). Menurut sarjana Barat George (1965) pengelompokan bahasa melibatkan ciri penggunaan frasa, kata dan ayat penuh untuk memudahkan Bowrey mempelajari, menguasai dan menggunakan bahasa tersebut ketika dalam urusan perdagangan di sepanjang pesisir pantai alam Melayu ketika itu (TP). Kamus ini disusun dengan satu tujuan utama yang jelas dicatatkan oleh Bowrey pada bahagian prakata kamusnya (Thomas, 2016) (HP). Pertama (PW), kamus ini memberikan maklumat serta gambaran kepada penutur bahasa Melayu moden khususnya (**fungsi**). Dalam hal ini, bentuk bahasa Melayu pada ketika itu diseberluaskan selain mempelajari suasana sosial dan budaya masyarakat Melayu (HF).

P = Pendahuluan    HP= Huraian Pendahuluan    PW= Penanda Wacana  
HF= Huraian Fungsi    TPK = Teknik Pendekatan

## Komen:

\*Huraian dan penjelasan yang menarik, mempunyai fakta yang dapat dipastikan, penggunaan penanda wacana yang bersesuaian dan pendahuluan yang menarik.

**HURAIAN FUNGSI 2:** Selain itu, (**PW**) kamus ini memuatkan tidak hanya kata dasar tetapi frasa, klausa, ayat, malah contoh perbualan yang boleh digunakan oleh orang Inggeris selepasnya yang datang ke Kepulauan Melayu turut diketengahkan (**fungsi**). Hal ini bermakna, setiap perbualan dengan orang di alam Melayu memberi kesan yang positif terhadap perkembangan kognitif sebagai orang asing (**TMM**). Perbualan ini mewujudkan komunikasi antara Bowrey dengan penutur kawasan pedalaman dengan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa ini disebut sebagai bahasa dagang oleh Bowrey (**HF**). Winterbottom (2016) menjelaskan bahawa kelangsungan hubungan komunikasi dan penggunaan bahasa dagang yang semakin meluas menyumbang sumbangan ilmiah, seperti mempunyai beberapa manuskrip, jurnal, peta, buku log perjalanan dan surat-surat (**AC**) yang menjadi bukti dan saksi atas pengetahuan serta pengalaman yang dimilikinya (**HF**). Hal ini diakui bahawa sumbangan Bowrey amat besar selain penyusunan kamusnya yang menunjukkan keintelektualan beliau (**TKK**).

**P = Pendahuluan    HP = Huraian Pendahuluan    PW = Penanda Wacana**

**HF = Huraian Fungsi    TMM = Teknik Makna/Maksud**

**AC = Ayat Contoh    TKK = Teknik Kepastian dan Keyakinan**

### Komen:

\*Huraian dan penjelasan yang menarik, mempunyai fakta yang dapat dipastikan, penggunaan penanda wacana yang bersesuaian dan pendahuluan yang menarik.

**HURAIAN FUNGSI 3:** Tambahan lagi, (PW) maklumat penting berkenaan dengan perihal ekonomi dan perdagangan yang berlangsung di kepulauan utama dalam rantau ini juga dicatatkan dengan jelas dalam kamus tersebut (fungsi). Perihal ini ada dinyatakan dengan jelas oleh Bowrey dalam bukunya “A Geographical Account of the Countries Round the Bay of Bengal, 1669 to 1679” Temple (1949) (HF). Sebagaimana yang dijelaskan, ternyata segala ilmu yang diketengahkan oleh Bowrey dapat menjadi rujukan kepada masyarakat dan sehingga kini, kamus dan catatan pinggiran yang terdapat pada nota awal Bowrey disimpan di beberapa arkib dan perpustakaan di Britain (HF). Jika kita melihat susunan kata-kata Melayu disusun secara sistematik oleh Bowrey, maka kita juga secara tidak langsung menggunakan teknik dan rujukan yang sama dengan beliau (TA). Jelaslah bahawa huraian yang diketengahkan menonjolkan sumbangan Bowrey yang sangat besar dan dalam pada itu, pemanfaatan ini mendorong kajian lanjutan yang lebih sistematik dalam bidang linguistik sejarah, linguistik perbandingan dan sebagainya (TKK).

P = Pendahuluan    HP= Huraian Pendahuluan    PW= Penanda Wacana  
HF= Huraian fungsi dengan lebih lanjut    TA = Teknik Andaian  
TKK= Teknik Kepastian dan Keyakinan

**Komen:**

\*Huraian dan penjelasan yang menarik, mempunyai fakta yang dapat dipastikan, penggunaan penanda wacana yang bersesuaian dan pendahuluan yang menarik.



Kamus ini memberikan maklumat serta gambaran kepada penutur bahasa Melayu moden (**fungsi**). Kamus ini memberi pendedahan kepada bentuk dan ciri frasa, klausa dan ayat (**fungsi**). Maklumat penting berkenaan perihal ekonomi dan perdagangan di kepulauan utama dalam rantau ini juga dicatatkan dengan jelas dalam kamus tersebut (**fungsi**).

## VS

Pada 1701, Thomas Bowrey memutuskan untuk menyusun dengan rapi, kemas dan jelas semua kata-kata daripada satu bahasa yang diketahuinya sepanjang 19 tahun belayar di Kepulauan Melayu (**P**). Menurut sarjana Barat George (1965) pengelompokan bahasa melibatkan ciri penggunaan frasa, kata dan ayat penuh untuk memudahkan Bowrey mempelajari, menguasai dan menggunakan bahasa tersebut ketika dalam urusan perdagangan di sepanjang pesisir pantai alam Melayu ketika itu (**TPK**). Kamus ini disusun dengan satu tujuan utama yang jelas dicatatkan oleh Bowrey pada bahagian prakata kamusnya (Thomas, 2016) (**HP**). Pertama (**PW**), kamus ini memberikan maklumat serta gambaran kepada penutur bahasa Melayu moden khususnya (**fungsi**). Dalam hal ini, bentuk bahasa Melayu pada ketika itu diseberluaskan selain mempelajari suasana sosial dan budaya masyarakat Melayu (**HF**).

Selain itu, (**PW**) kamus ini memuatkan tidak hanya kata dasar tetapi frasa, klausa, ayat, malah contoh perbualan yang boleh digunakan oleh orang Inggeris selepasnya yang datang ke Kepulauan Melayu turut diketengahkan (**fungsi**). Hal ini bermakna, setiap perbualan dengan orang di alam Melayu memberi kesan yang positif terhadap perkembangan kognitif sebagai orang asing (**TMM**). Perbualan ini mewujudkan komunikasi antara Bowrey dengan penutur kawasan pedalaman dengan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa ini disebut sebagai bahasa dagang oleh Bowrey (**HF**). Winterbottom (2016) menjelaskan bahawa kelangsungan hubungan komunikasi dan penggunaan bahasa dagang yang semakin meluas menyumbang sumbangan ilmiah, seperti mempunyai beberapa manuskrip, jurnal, peta, buku log perjalanan dan surat-surat yang menjadi bukti dan saksi atas pengetahuan serta pengalaman yang dimilikinya (**HF**). Hal ini diakui bahawa sumbangan Bowrey amat besar selain penyusunan kamusnya yang menunjukkan keintelektualan beliau (**TKK**).

Tambahan lagi, (**PW**) maklumat penting berkenaan dengan perihal ekonomi dan perdagangan yang berlangsung di kepulauan utama dalam rantau ini juga dicatatkan dengan jelas dalam kamus tersebut (**fungsi**). Perihal ini ada dinyatakan dengan jelas oleh Bowrey dalam bukunya “A Geographical Account of the Countries Round the Bay of Bengal, 1669 to 1679” Temple (1949) (**HF**). Sebagaimana yang dijelaskan, ternyata segala ilmu yang diketengahkan oleh Bowrey dapat menjadi rujukan kepada masyarakat dan sehingga kini, kamus dan catatan pinggiran yang terdapat pada nota awal Bowrey disimpan di beberapa arkib dan perpustakaan di Britian (**HF**). Jika kita melihat susunan kata-kata Melayu disusun secara sistematis oleh Bowrey, maka kita juga secara tidak langsung menggunakan teknik dan rujukan yang sama dengan beliau (**TA**). Jelaslah bahawa huraiyan yang diketengahkan menonjolkan sumbangan Bowrey yang sangat besar dan dalam pada itu, pemanfaatan ini mendorong kajian lanjutan yang lebih sistematis dalam bidang linguistik sejarah, linguistik perbandingan dan sebagainya (**TKK**).

**Komen:**

\*Huraiyan dan penjelasan yang mantap, mempunyai fakta yang dapat dipastikan, penggunaan penanda wacana yang bersesuaian dan pendahuluan yang menarik. Keseluruhan menunjukkan gagasan idea yang mantap dan menarik.



**TAMAT  
DAN  
TERIMA KASIH !**